



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Lancarkan i-Great Chinta

Melindungi mereka yang terutama, kerana kasih sayang adalah berkekalan

4 Mei 2025, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) pada hari ini melancarkan penyelesaian kewangan terbaharunya, i-Great Chinta, yang merupakan pelan takaful khas buat individu yang bukan sahaja ingin meninggalkan kenangan manis mereka, tetapi mewariskan perlindungan kewangan buat insan tersayang.

i-Great Chinta, dengan mesej utamanya 'Chinta Sejati, Sejuta Impian' ini menawarkan perlindungan yang tinggi dengan jumlah perlindungan asas (JPA) minimum sebanyak RM800,000 untuk kematian dan Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK), dengan pilihan fleksibel bagi terma pembayaran dan perlindungan, dan para pelanggan juga boleh menikmati manfaat kesetiaan sehingga 8% daripada jumlah sumbangan asas tahunan mereka. Manfaat kematian tambahan ketika menunaikan haji atau umrah bukan disebabkan oleh kemalangan turut ditawarkan. Produk ini menggambarkan hibah dengan cara yang lebih bermakna kerana orang yang dilindungi boleh menambah beberapa manfaat pilihan seperti i-Saver Rider yang dapat meningkatkan simpanan mereka melalui dana pelaburan patuh syariah yang akan dibayar mengikut tempoh kematangan sivil.

Usaha Great Eastern Takaful untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hibah dan pelbagai aspek perlindungan yang diperlukan pada setiap peringkat hidup ini turut menandakan satu detik terulung bagi industri takaful apabila Great Eastern Takaful membuat kemunculan dengan *Hypergram*, salah satu teknologi pengiklanan terkini bertempat di Sunway Pyramid. Melalui kemajuan digital ini, ia membawakan mesej bermakna dengan menarik dan memberikan pengunjung sebuah pengalaman visual yang memikat pandangan. Turut hadir untuk menyaksikan *Hypergram* tersebut adalah Encik Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful dan Tuan Syed Abdull Aziz Syed Kechik, Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin bersama barisan pengurusan tertinggi dan para perunding takaful.

Meraikan ulang tahunnya yang ke-15, Great Eastern Takaful terus mencapai kejayaan dan kekal fokus untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang semakin meningkat. Saban tahun, Great Eastern Takaful sentiasa menambahbaik penawaran produknya, seiring dengan gaya hidup moden dan menepati matlamat kewangan para pelanggannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, "Di Great Eastern Takaful, matlamat kami adalah untuk sentiasa melindungi perkara yang penting buat para pelanggan dan kami memahami keperluan dan kepelbagaian keutamaan dalam setiap peringkat hidup mereka. i-Great Chinta adalah lebih daripada

sekadar pelan perlindungan. Ia melambangkan keprihatinan, tanggungjawab, dan pandangan jauh untuk persediaan masa hadapan. Konsep hibah ini memperkasakan individu untuk mengambil langkah proaktif dalam memastikan perlindungan kewangan insan tersayang ataupun rakan niaga contohnya, dalam menghadapi situasi yang tidak dijangka. Kita sememangnya tidak mengetahui apa yang bakal berlaku, namun kita semestinya boleh merancang bagaimana untuk kita menghadapinya. Dengan adanya perlindungan sebegini, kita memperoleh ketenangan minda apabila kewangan mereka yang bakal ditinggalkan selepas pemergian kita akan terjaga. Inilah perlindungan legasi yang diinginkan buat para pelanggan kami.”

Bersempena acara tersebut, Great Eastern Takaful turut melancarkan kempen khas buat para pelanggan bermula 1 Mei sehingga 1 Julai 2025, yang menawarkan jumlah perlindungan asas bermula daripada RM500,000. Kempen istimewa ini membolehkan pelanggan mengorak langkah ke hadapan dan menyertai pelan takaful ini dengan sumbangan bulanan yang lebih rendah.

Dengan produk seperti i-Great Chinta dan i-Great Majestik yang menumpukan kepada pengumpulan kewangan ini, Great Eastern Takaful terus mara ke hadapan dengan penuh keyakinan dalam mengukuhkan komitmennya untuk menawarkan penyelesaian yang inovatif dan patuh syariah dengan memfokuskan matlamat hidup masyarakat dalam setiap pelan perlindungannya.

Untuk maklumat lanjut mengenai i-Great Chinta, sila layari www.greateasterntakaful.com atau hubungi perunding takaful kami untuk bantuan lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards

dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com